

# 7 IPTS ditarik kelulusan ambil pelajar antarabangsa

UB 09.10.2012 B2

**KOTA KINABALU:** Sebanyaktujuhbuahtinstitut pengajian tinggi swasta (IPTS) telah ditarik balik kelulusan pengambilan pelajar antarabangsa di atas pelbagai kesalahan pengurusan pelajar antarabangsa.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, Datuk Dr Hou Kok Chung berkata data itu adalah berdasarkan sehingga bulan Julai tahun ini.

“Walau bagaimanapun, masih terdapat 169 buah IPTS mempunyai kebenaran untuk mengambil pelajar antarabangsa di negara ini.

“Interaksi dengan pelajar antarabangsa adalah penting dalam usaha kerajaan yang ingin menjadikan negara ini sebagai hab pendidikan di rantau ini,” katanya dalam



**HOU (tiga kanan) sedang menjelaskan sesuatu kepada pemberita kelmarin.**

satu sidang media selepas lawatannya ke Universiti Malaysia Sabah (UMS) disini kelmarin.

Hou berkata, UMS mempunyai hampir 600 pelajar antarabangsa yang berasal dari negara Brunei, China, Turki, Tanzania, Myanmar, Korea, Jepun,

Filipina, Vietnam, Greece dan Kenya.

Katanya, lima buah negara yang mencatat jumlah pelajar teramai di UMS adalah China (496), Brunei (24), Turki (10), Tanzania (13) dan Myanmar (3).

“IPTA menyediakan kuota 5 peratus untuk pelajar

antarabangsa seperti yang ada di UMS dan bilangan itu masih mempunyai ruang untuk penambahbaikan.

“Kebanyakan pelajar antarabangsa yang datang ke sini untuk mendapatkan pengajian lebih menumpukan kepada bidang perniagaan,” jelasnya.

**Oleh YAP SIONG HAN**  
sionghan\_yap@yahoo.com

Pada tahun lepas, negara ini mencatatkan jumlah pelajar antarabangsa di IPTA ialah seramai 25,263 orang dan IPTS ialah 45,246 orang yang menjadikan jumlah keseluruhannya seramai 70,509. Kesemua mereka berasal daripada lebih 150 buah negara.

Hou berkata, lima buah negara yang mempunyai bilangan pelajar antarabangsa tertinggi dalam IPTA ialah Iran (5,948), Indonesia (3,764), China (2,122), Yemen (1,839) dan Iraq (1,329).

IPTS pula mempunyai pelajar antarabangsa teramai dari China iaitu seramai 5,272, Indonesia (4,806), Nigeria (4,684), dan Yemen (1,713).